

13/02/2001

MBM anjur perhimpunan patriotisme

KOTA BHARU, Isnin - Majlis Belia Malaysia (MBM) akan menganjurkan perhimpunan patriotisme alaf baru bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Shah Alam pada 18 Februari ini.

Penolong Setiausaha Agung MBM, Rosdan Abu Bakar, berkata perhimpunan itu dijangka dihadiri 10,000 belia dari seluruh negara.

Menurutnya, perhimpunan itu adalah pelancaran rasmi bagi program patriotisme alaf baru yang dianjurkan secara kecil-kecilan dan berterusan oleh MBM sejak 1999.

Katanya, perhimpunan itu bertujuan meningkatkan semangat dan intipati makna patriotisme di kalangan belia.

"Bagi memastikan keberkesanan perhimpunan ini dan program patriotisme alaf baru MBM, kita mengatur pelbagai program susulan berbentuk kursus, seminar dan perkhemahan peringkat daerah di seluruh negara," katanya di sini, petang ini.

Menurutnya, acara deklamasi puisi patriotisme oleh Muhammad Izz Taufiq Sazalee, 8, murid darjah dua Sekolah Kebangsaan Bukit Marak, Bachok, Kelantan, turut diadakan.

Katanya, anak seni itu akan membaca puisi bertajuk 'Di Halaman Kembang Sepatu Ini Selamanya Sejahteralah Warga' yang ditulis oleh ayahnya yang juga seorang pendeklamator, Sazalee Yacob.

(END)